

PERBADANAN ASET KERETAPI (Railway Assets Corporation)

Level 16, IOI City Tower 2, Lebuhraya IRC IOI Resort City, 62502 Putrajaya, Sepang Selangor.

Tel 03-8939 0200 | Fax 03-8939 0222 | www.rac.gov.my

Rujukan kami : RAC/100-2/9/1 Jld 5 (29)

Tarikh : 13 Januari 2021

EN. OOI CHOK YAN,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
Penang Global Tourism,
No. 8-B (Tingkat 1),
The Whiteaways Arcade, Lebuhraya Pantai,
10300 GEORGE TOWN,
Pulau Pinang.

Faks : 04 264 3455

Tuan,

KEBENARAN UNTUK MELETAKKAN KIOSK INFORMASI DI STESEN KERETAPI BUTTERWORTH

Sukacitanya saya diarah merujuk kepada permohonan pihak tuan untuk meletakkan kiosk informasi yang diterima melalui surat dengan rujukan PGT-2020/173/OCY/ss bertarikh 27 November 2020 dan seterusnya sesi lawatan tapak pada 9 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Secara dasarnya, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) **TIADA HALANGAN** untuk membenarkan pihak tuan meletakkan kiosk informasi di Stesen Keretapi Butterworth bagi memenuhi hasrat pihak tuan untuk mempertingkatkan promosi pelancongan dengan memperbaiki kualiti pengalaman pengunjung terutamanya di pintu-pintu masuk ke Pulau Pinang.

3. Untuk makluman tuan, RAC sentiasa komited dan menyokong sebarang bentuk usaha dan cadangan yang dibuat oleh pelbagai pihak sama ada jabatan kerajaan mahupun agensi swasta yang bakal memberikan manfaat kepada masyarakat umum secara keseluruhannya. Oleh itu, sebagai syarat kebenaran yang

Muka surat 2

KEBENARAN UNTUK MELETAKKAN KIOSK INFORMASI DI STESEN KERETAPI BUTTERWORTH

diberikan oleh Perbadanan ini, maka pihak tuan disyaratkan supaya menandatangani Surat Akujanji dan Menanggung Rugi seperti mana Lampiran 1.

4. Seterusnya, pihak tuan dipohon untuk mengemukakan Surat Akujanji dan Menanggung Rugi tersebut yang telah ditandatangani dan dimatikan setem dalam tempoh 14 hari bekerja, sebelum kerja-kerja berkaitan dimulakan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(ANE SALFARIZAN BINTI MISpani)

b.p.: Pengurus Besar

Perbadanan Aset Keretapi

☎ : 03-8939 0200

📠 : 03-8939 0222

✉ : salfarizan@rac.gov.my

s.k.:

- i. Pengurus Besar, RAC
- ii. Bahagian Komersial, RAC
- iii. Tuan Zolkeple Bin Lazim,
Pengurus Wilayah Utara
Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
No 5052, Tingkat 1 & 2, Jalan New Ferry,
12000 BUTTERWORTH,
Pulau Pinang.
Faks : 04-537 3442

[Kepala Surat PENANG GLOBAL TOURISM]

SURAT AKUJANJI DAN MENANGGUNG RUGI

Tarikh:

Rujukan:

Kepada:

Perbadanan Aset Keretapi,
Tingkat 16, IOI City Tower 2,
Lebuh IRC, IOI Resort City,
62502 PUTRAJAYA SEPANG,
Selangor Darul Ehsan.

**AKUJANJI DAN MENANGGUNG RUGI PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)
BERHUBUNG URUSAN PELETAKKAN KIOSK INFORMASI DI STESEN
KERETAPI BUTTERWORTH, PULAU PINANG**

Kami, **PENANG GLOBAL TOURISM**, sebuah agensi pelancongan yang beralamat di No. 8-B (Tingkat 1), The Whiteaways Arcade, Lebuh Pantai, 10300 George Town, Pulau Pinang (selepas ini dirujuk sebagai "**PGT**") sesungguhnya bersetuju dan berakujaji dengan **PERBADANAN ASET KERETAPI** sebuah badan berkanun persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 [Akta 463] dan mempunyai alamat di Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuh IRC, IOI Resort City, 62502 Putrajaya Sepang, Selangor (selepas ini dirujuk sebagai **RAC**) seperti berikut:

- (1) PGT telah mengemukakan surat kepada RAC dengan rujukan PGT-2020/173/OCY/ss bertarikh 27 November 2020 memohon kebenaran RAC untuk menggunakan sebahagian ruang di Stesen Keretapi Butterworth (selepas ini dirujuk sebagai "**Tapak Tersebut**") bagi tujuan meletakkan kiosk informasi pelancongan (selepas ini dirujuk sebagai "**Kiosk Pelancongan**")
- (2) Susulan permohonan tersebut, RAC melalui surat bertarikh 13 Januari 2021 telah memberikan kebenaran kepada PGT untuk menggunakan Tapak Tersebut bagi tujuan Kiosk Pelancongan sepertimana yang dimohon;

- (3) Sebagai balasan RAC memberikan kebenaran kepada pihak PGT untuk menggunakan Tapak Tersebut bagi meletakkan Kiosk Pelancongan, pihak PGT dengan ini memberi jaminan, bersetuju dan berakujanji seperti mana berikut:
- (i) PGT berakujanji untuk bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penggunaan Tapak Tersebut dan memberikan jaminan bahawa Tapak Tersebut digunakan bagi tujuan Kiosk Pelancongan semata-mata dan akan melaksanakan sebarang kerja-kerja yang berkaitan di Tapak Tersebut dengan mengambilkira aspek keselamatan dengan kos dan perbelanjaan sepenuhnya ditanggung oleh PGT;
 - (ii) PGT berakujanji untuk tidak menyerahkan, menyerahkan, menyewa, menyewa kecil, memajak atau melupuskan dalam apa-apa bentuk sekalipun Kiosk Pelancongan kepada mana-mana pihak ketiga tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak RAC selaku pemunya aset;
 - (iii) PGT dengan ini berakujanji akan sentiasa menanggung rugi dan melindungi RAC daripada dan terhadap sebarang tanggungan, liabiliti, tindakan, prosiding, writ, saman, penghakiman, perintah, tuntutan, permintaan, kos, ganti rugi dan perbelanjaan yang disabitkan terhadap RAC oleh mana-mana individu atau syarikat melalui apa cara sekalipun akibat daripada penggunaan Tapak Tersebut dan aktiviti Kiosk Pelancongan tersebut di Stesen Keretapi Butterworth;
 - (iv) PGT berakujanji untuk bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kerugian RAC akibat daripada sebarang tindakan undang-undang atau apa-apa tuntutan pihak ketiga yang dibuat di dalam atau di luar Mahkamah berhubung penggunaan Tapak Tersebut bagi meletakkan Kiosk Pelancongan dan pelaksanaan sebarang kerja-kerja berkaitan dan berakujanji untuk menanggung apa-apa kerugian atau perbelanjaan termasuk kos dan yuran guaman RAC dalam menguatkuasakan akujanji ini dan tindakan perundangan di Mahkamah;
 - (v) PGT dengan ini berakujanji untuk menanggung segala kerugian yang dialami oleh RAC atas apa-apa kerosakan kepada Tapak Tersebut dan apa-apa struktur yang berkaitan ataupun kecederaan dan/atau kematian mana-mana individu yang disebabkan oleh penggunaan Tapak Tersebut dan/atau disebabkan keingkaran atau kecuaiannya pihak PGT atau pekerja, ejen atau pemegang lesen dalam mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh RAC lain-lain agensi yang berkaitan;
- (4) PGT dengan ini mengesahkan bahawa akujanji ini telah ditandatangani oleh pegawai yang diberikuasa secara sukarela tanpa apa-apa elemen paksaan,

ugutan atau dorongan daripada mana-mana pihak dan menyedari serta memahami sepenuhnya implikasi daripada akujanji ini;

- (6) PGT akan menanggung bayaran duti setem bagi akujanji ini;
- (7) Klausula-klausula di dalam akujanji ini adalah berasingan dan berbeza di antara satu sama lain dan pada bila-bila masa sekiranya terdapat salah satu atau lebih daripada klausula-klausula tersebut menjadi tidak sah dari segi undang-undang, maka ketidaksahan tersebut tidak akan sama sekali memberi kesan kepada klausula-klausula yang lain;
- (8) Akujanji ini hendaklah mengikat pewaris, ejen, wasi pentadbir yang dilantik oleh pihak PGT;
- (9) Akujanji ini hendaklah ditadbir dan ditentukan serta ditafsirkan menurut undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;
- (10) Akujanji ini hendaklah berkuatkuasa sepanjang tempoh penggunaan Tapak Tersebut bagi tujuan Kiosk Pelancongan oleh PGT; dan
- (11) PGT sesungguhnya sedar dan faham bahawa Akujanji ini mengikat RAC dan PGT secara perundangan.

Ditandatangani *oleh/bagi pihak PGT:

.....
(Pegawai yang diberi kuasa oleh PGT)
Nama:
Jawatan:
No Kad Pengenalan:
Tarikh:

Disaksikan oleh:

.....
Nama:
Jawatan:
No. Kad Pengenalan
Tarikh:

